

Projek RM1.5 bilion terbesar di Asia Tenggara

Bandar pasar borong serantau

Oleh SARAH NADLIN ROHIM
sarah.rohim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 31 Ogos – TSI Holdings Sdn. Bhd. (TSI) pemaju hartanah tempatan sedang membangunkan bandar borong (*wholesale city*) terbesar di rantau Asia Tenggara dengan nilai pembangunan kasar melebihi RM1.5 bilion.

Pengarah Urusannya, Lim Seng Kok berkata, projek tersebut yang dikenali sebagai GM Klang terletak di Bandar Botanic, Klang bakal menempatkan lebih 2,500 peniaga borong.

“GM Klang terletak di tanah komersial berkeluasan 5.8 hektar dan apabila siap ia akan menyumbang kepada aktiviti ekonomi di Lembah Klang.

“Projek ini dibangunkan ekoran pengalaman kami membangunkan Plaza GM di Chow Kit yang mendapat sambutan dengan 270 peniaga terletak di bangunan lapan tingkat dan telah penuh,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini.

Tambah Seng Kok, pasaran untuk peniaga borong dan fasa pertama projek tersebut akan beroperasi Oktober ini yang bakal menempatkan 259 peniaga borong di kawasan seluas 10,000 kaki persegi.

“Fasa pertama ini akan menjadi pusat sehati bagi keperluan perkahwinan terutama keperluan perkahwinan Melayu dijual di sini.

“Selain menjual keperluan majlis perkahwinan GM Klang juga akan menyediakan pelbagai barangan termasuk barangan elektronik,” jelasnya.

Seng Kok berkata, projek GM Klang ini memakan masa sehingga sembilan tahun untuk disiapkan dengan dilaksanakan secara berperingkat dalam empat fasa.

Apabila GM Klang mula beroperasi ia akan menarik minat peniaga di rantau ini dan Timur Tengah kerana kedudukannya berhampiran dengan pelabuhan dan lapangan terbang yang memudahkan logistik.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai perkembangan pembangunan terbarunya, Seng Kok berkata, projek terbaru mereka adalah First Residence yang terletak di Kepong Baru.

First Residence adalah kondominium 474 unit terdiri daripada dua blok menara terletak di atas kedai dua tingkat yang mempunyai 58 unit dengan kos pembangunan bernilai RM30 juta.

Anggaran harga unit kondominium tersebut adalah sekitar RM251,000 hingga RM384,000. Setakat ini 100 peratus unit bukan bumiputera telah terjual.

Katanya, sasaran utama TSI adalah menarik pembeli bumiputera memiliki kediaman tersebut yang menawarkan pelbagai kemudahan seperti sistem keselamatan 24 jam, taman dan pelbagai kemudahan lain.

Selain itu, pada masa hadapan TSI akan membangunkan pembangunan kediaman bercampur di Batu 14 Puchong.

Projek tersebut akan melibatkan pembinaan 520 unit kondominium pelbagai saiz dan 12 unit kedai konvensional dengan anggaran kos pembangunan melebihi RM130 juta.



LIM Seng Kok menunjukkan gambar projek-projek yang dilaksanakan oleh syarikat di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kami  Ayah